

# Percepat persiapan pilihan raya Sanggang

BH - 7 MAR. 2000

KUALA LUMPUR. Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan persiapan menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang dilakukan segera, berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Abdullah Kia pada 26 Februari lalu.

Beliau yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN)

berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob akan mengetuai jawatankuasa pusat, manakala Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob akan menyelaras kempen pilihan raya kecil itu.

“Parti-parti komponen BN daripada negeri-negeri lain juga dikehendaki membantu BN Pahang dalam

urusan kempen di Sanggang nanti,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga meminta pemimpin Umno dari negeri lain turut membantu BN dalam pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya itu diadakan selepas Allahyarham Abdul-

lah yang mula berkhidmat sebagai wakil rakyat sejak 1982 meninggal dunia di Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan, selepas diserang angin ahmar.

Semalam Adnan dilaporkan berkata, Perhubungan Umno negeri akan mengemukakan senarai nama calon BN yang layak kepada Dr Mahathir hari ini.